

Dah biasa bah

Kampung Kebun Bunga dilanda banjir sedalam satu meter

>>Oleh Norrasidah Arshad
dan Ahmad Fadzly Esa

am@hmetro.com.my

SHAH ALAM: Bencana banjir seolah-olah sinonim dengan penduduk Kampung Kebun Bunga, Batu Tiga, di sini, berikutan kerap dilanda bencana itu sejak 20 tahun lalu termasuk banjir besar pada tahun 2000 dan 2006 hingga kampung berkenaan dinaiki air lebih satu meter.

Bencana itu berulang lagi malam Jumaat lalu apabila hujan lebat lebih empat jam mengakibatkan kampung berkenaan dinaiki air sedalam hampir satu meter apabila benteng Sungai Damansara berhampiran kampung itu pecah.

Kejadian itu menyebabkan lebih 70 penduduk terpaksa dipindahkan ke Dewan Orang Ramai Batu Tiga yang berhampiran.

Penduduk, Mohamad Awang Kechil berkata, hujan lebat luar biasa tanpa henti lebih empat jam mengakibatkan rumah penduduk dinaiki air separas lutut.

Katanya, air mula naik kira-kira jam 10 malam Jumaat lalu dan hanya surut selepas jam 6 pagi keesokannya.

“Saya percaya, banjir ini berlaku kerana sistem per-



PERIKSA...Dr Mohd Tahir (kiri) memantau kerja menambak benteng penghadang banjir di Kampung Kebun Bunga, Batu Tiga.

paritan yang tidak sistematik serta faktor benteng Sungai Damansara pecah,” katanya.

Penduduk lain yang dikenali sebagai Fatimah berkata, banjir kilat itu turut mengakibatkan barangan perabot dan peralatan elektrik di rumahnya rosak.

“Kerugian yang dialami belum diketahui. Sekarang bu-

kan televisyen saja yang tidak berfungsi, malah perabot juga turut mengalami kerosakan,” katanya.

Tinjauan Harian Metro semalam mendapati semua penduduk yang dipindahkan itu sudah kembali ke rumah masing-masing pagi semalam selepas air mulai surut.

Ketua Kampung berkenaan,

Dr Mohd Tahir Abdul Rahman berkata, bencana berkenaan adalah yang kedua terburuk sejak 2006 lalu.

“Saya difahamkan pihak Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS), kerja penambakan hanyalah sementara dan jangka siap dalam tempoh terdekat,” katanya.